

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS JAMUAN MALAM WARTAWAN MALAYSIA
DI HOTEL MUTIARA PETALING JAYA
14 APRIL 2001

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Institut Akhbar Malaysia kerana sekali lagi sudi menjemput saya serta isteri saya pada majlis malam wartawan Malaysia.

2. Perhubungan ahli politik dan wartawan memang akrab dan saya berasa amat senang dan selesa dengan sahabat- sahabat wartawan pada malam ini.

3. Sekali lagi, kita akan lihat wartawan-wartawan yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pelbagai kategori menerima hadiah kewartawanan. Pada mereka yang telah menunjukkan ketrampilan dalam bidang mereka, saya mengucapkan syabas dan tahniah semoga mereka akan teruskan usaha mereka untuk menduduki tangga tertinggi dalam kerjaya mereka.

4. Kepada sahabat-sahabat yang lain, saya percaya mereka akan terus menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh bertanggungjawab dan memainkan peranan mereka dalam usaha untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang bersatu, padu dan maju.

5. Ungkapan "kewartawanan bertanggungjawab" sering di salah fahami, khususnya oleh golongan yang mendakwa diri mereka liberal serta pihak asing yang tidak melepaskan peluang untuk memperkecil-kecilkan peranan wartawan tempatan.

6. Wartawan, seperti juga para profesional dari bidang yang lain, tidak boleh lari dari hakikat bahawa mereka juga perlu bertanggungjawab dalam menjayakan peranan membina negara, ataupun nation-building.

7. Tetapi apabila wartawan tempatan cuba memainkan peranan ini, mereka dicemuh dengan ungkapan seperti lemah, pro-kerajaan dan sebagainya.

8. Saya faham dengan perasaan wartawan tempatan yang dikritik dengan tuduhan kononnya mereka ini apologetik bagi pihak kerajaan, kononnya mereka timid dan compliant .

9. Saya faham bahawa ramai di antara kita pada malam ini sakit telinga dan sakit hati apabila dilabelkan sedemikian. Saya boleh membawa banyak contoh tentang bezanya etika kewartawanan yang di praktik oleh wartawan tempatan dan oleh mereka yang mewakili media asing.

10. Tetapi saya hanya hendak membawa satu contoh yang masih lagi segar dalam fikiran, iaitu, insiden yang berlaku di Kampung Medan baru-baru ini.

11. Beberapa akhbar dan agensi berita asing cuba menyamakan insiden ini dengan perbalahan kaum yang berlaku di negara jiran dan menghebohkan insiden itu kononnya ramai lagi terkorban dari yang dilaporkan oleh media tempatan.

12. Mereka, bersama golongan yang tidak bertanggungjawab dalam negara sendiri, menuduh kerajaan menutup keadaan sebenar. Pada permulaan insiden itu, beberapa media asing memaparkan gambar pemuda India dan pemuda Melayu membawa rotan dan kayu kononnya untuk menyerang sesama sendiri.

13. Sementara pada hari yang sama, akhbar tempatan memaparkan gambar rondaan pelbagai kaum - orang Melayu, India, Cina dan Sikh - yang cuba menjaga keamanan kampung mereka di tempat yang sama.

14. Sekiranya gambar yang dipaparkan dalam International Herald Tribune dan South China Morning Post dipaparkan juga dalam media tempatan ia akan ditafsirkan sebagai untuk mengapi-apikan semangat perkauman pada hal insiden itu berlaku atas sebab-sebab yang berlainan.

15. Dalam hal ini akhbar-akhbar tempatan telah memainkan peranan masing-masing untuk mengamankan kembali suasana. Tahniah dan terima kasih. Tetapi berlainan sekali dengan akhbar asing dan wartawan asing, yang telah membuat laporan yang tidak tepat, sensasi yang tiada lain tujuan mereka hanya untuk mengapi-apikan keadaan.

16. Sekiranya wartawan media asing benar-benar mereka mendakwa mereka membuat laporan yang adil mereka juga mesti melaporkan mengenai usaha-usaha kerajaan Malaysia untuk mengembalikan keamanan.

17. Tetapi ini tidak berlaku sebaliknya mereka, dengan konsep kebebasan akhbar mereka, bebas untuk membohongi pembaca-pembaca mereka dengan laporan yang tidak tepat dan berat sebelah.

18. Apakah akibatnya jika media tempatan mengikut cara laporan mereka? Apabila negara dilanda rusuhan kaum, bangunan-bangunan terbakar, nyawa terkorban, siapa kah akan rugi? Adakah mereka yang liberal akan rugi? Adakah wartawan asing akan rugi? Adakah negara asing dan media asing yang akan rugi?. Yang rugi hanya rakyat dan negara Malaysia.

19. Saya percaya sekali lagi Malaysia menjadi perhatian dunia dan dikutuk apabila pihak polis menangkap dan menahan para aktivis reformasi. Kita akan dikedam sebagai zalim, tidak demokratik, menindas dan sebagainya. Saya tidak bimbang dengan kutukan itu. Yang saya bimbang ialah apabila majoriti rakyat negara ini mengkritik kita kerana tidak mempertahankan hak majoriti rakyat yang ingin hidup aman damai dan boleh menjalankan tugas harian mereka tanpa gangguan. Kita tidak akan memohon maaf kepada dunia apabila tindakan itu diambil.

20. Dalam semua hal yang saya sebutkan, wartawan dan media tempatan telah menjalankan tugas mereka dengan bertanggungjawab dan saya mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudari. Tanpa etika kewartawanan yang bertanggungjawab dikalangan media tempatan, maka tidak mungkin kita akan dapat mengatasi masalah-masalah yang kita alami kebelakangan ini.

21. Bercakap mengenai kebebasan akhbar, keadaan dan suasana di Malaysia memerlukan wartawan lebih berhati-hati dalam mengamalkan kebebasan akhbar kerana Malaysia mempunyai penduduk pelbagai kaum. Mentadbir dan mengurus negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum adalah sukar. Jika kita tersalah urus kita akan menghadapi situasi yang sukar dikawal seperti yang berlaku di

banyak negara lain. Saya fikir saudara- saudari tidak mahu kejadian rusuhan kaum berlaku sekali lagi di sini. Sekiranya kita memberi kebebasan akhbar tiada sekatan undang-undang kita sebenarnya membenarkan sesiapa sahaja untuk menulis, melapor dan membuat provokasi serta memainkan isu-isu kaum yang sensitif. Jika kita benarkan saya percaya kita tidak akan dapat menikmati sebuah negara yang stabil, aman dan damai sepertimana yang kita nikmati hari ini.

22. The Malaysian media have been responsible, by and large, in ensuring that national objectives could be achieved for the benefit of the people and the nation.

23. As a nation, we have managed our race relations very well and the media has contributed much towards this process. We have seen how in the so-called developed nations, good race relations are an elusive target. The biggest genocides and ethnic cleansing have occurred in the west, not in Asia. Today, we read about British policemen masquerading as clients in that most cosmopolitan of cities, London, to ensure race and hate crimes do not occur. In the United States, race and hate crimes are almost a daily occurrence. Only this week we witnessed race riots erupting in the city of Cincinnati.

24. Malaysia can be proud of its record. There have been blimps on our map but in total, we are probably the most successful nation in ensuring good race relations, maintaining multi-racial harmony and ensuring that our people prosper in a climate of peace and stability. When people do not have a good life, they are very open to all kinds of temptations, they can be subverted very easily and then of course we will fail, our country will be unstable, unable to grow and then people will say, "look at these people they cannot run their own country properly". So we have to be careful about how we exercise our rights. So be a responsible and dedicated journalist.

25. Malaysian journalists have nothing to be ashamed of. Instead, they can be proud for having contributed to 43 years of nation-building as a partner of the people and its elected government in a smart partnership that is the showcase for many developing countries.

26. Yet, at the same time, the government encourages the Malaysian media to continue playing its role as a watchdog of the Malaysian community.

27. Freedom of the press is enshrined in our constitution but this freedom cannot be absolute in our context. It is a formula which has been successful in maintaining national unity. As we grow as a nation and as a Malaysian people, the taboos and differences which we are loathe to debate publicly will become less and we will have more open debate. However, this does not mean that today the press must be servile, docile and without a constructive role to play.

28. I strongly urge the Malaysia media to continue to play its role as a watchdog for the Malaysian community. Although you need to be cognisant of the delicate social fabric of this multiracial country, it does not stop you from being a credible source of news and information. In this regard, I would urge you to assist the government in promoting good governance by uncovering corruption, sleaze, crime, administrative inefficiency, environmental degradation and other such public concerns.

29. Let us not forget that it is the local media which has exposed weaknesses and abuses in the system to which the authorities have taken remedial steps. It is the local media that first highlighted the Kuantan Port and BMF issues. It is the local

media which exposed corrupt officials who have been brought to court and removed from office. I believe these are issues which are important to all Malaysians. By improving investigative and analytical journalism on issues such as corruption, crime and inefficiency, the media can support the government in reducing and eliminating such impediments to good governance. But as a reminder, do not sensationalise; check your facts; report the truth; and analyse rationally. Be credible, not sensational.

30. Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah syor oleh Kelab Wartawan Nasional untuk menubuhkan Majlis Akhbar. Semasa mereka berjumpa dengan saya hampir setahun lalu, mereka mendesak supaya majlis ini ditubuhkan. Saya telah meminta mereka, sebagai profesional yang lebih arif dalam hal ini, untuk mengorak langkah terutama tentang corak dan formatnya. Malangnya saya masih lagi belum menerima apa-apa cadangan dari mereka. Sebarang cadangan mengenai Majlis Akhbar yang diberi perhatian penuh oleh kerajaan. Tetapi cadangan itu biarlah datang dari pihak akhbar sendiri. Saya harap cadangan itu dapat disediakan secepat mungkin dan kandungan cadangan itu hendaklah dapat meyakinkan pihak kerajaan terutama bagi meningkatkan lagi kredibiliti media tempatan serta membolehkan media memainkan peranan dalam membangunkan masyarakat.

31. Satu isu lagi yang timbul baru-baru ini ialah berkenaan dengan saman-saman mahkamah yang bernilai puluhan, malahan, ratusan juta ringgit. Kerajaan memandang berat perkara ini kerana ianya ada kemungkinan besar menjejaskan perkembangan kewartawanan melalui "intimidation" atau pun "threat of mega suits".

32. Dalam hal ini, saya berpendapat jika ada Majlis Akhbar, mungkin langkah boleh diambil oleh majlis ini untuk menyelesaikan kes sebelum ianya dibawa ke mahkamah. Satu lagi fungsi Majlis Akhbar, pada hemat saya, ialah untuk mewujudkan satu saluran bagi pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan sesuatu laporan untuk mengadu. Wartawan tidak terlepas dari membuat kesilapan. Yang penting, mereka tidak harus mempunyai niat atau agenda negatif di sebalik laporan yang ditulis.

33. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Institut Akhbar Malaysia kerana berjaya menganjurkan malam wartawan pada tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pemenang hadiah pada malam ini.

Terima kasih.